



**MENTERI SUMBER MANUSIA  
KENYATAAN MEDIA**

**PENANGGUHAN PELAKSANAAN PERINTAH GAJI MINIMUM (PINDAAN) 2022  
KEPADА MAJIKAN KURANG 5 ORANG PEKERJA**

1. Seperti sedia maklum, Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022 telah berkuatkuasa mulai 1 Mei 2022 dengan kadar gaji minimum RM1,500 sebulan untuk semua sektor tanpa mengira wilayah bagi majikan yang menggajikan lima (5) orang pekerja atau lebih. Manakala, bagi semua majikan yang menggajikan kurang dari lima (5) orang pekerja, telah diberi pengecualian dan pelaksanaan PGM 2022 sebanyak RM1,500 sebulan berkuatkuasa pada 1 Januari 2023.
2. Namun, setelah mengambil kira kesediaan kategori majikan yang menggajikan pekerja kurang dari lima (5) orang, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menangguhkan pelaksanaan kuat kuasa **Gaji Minimum RM1,500 dari 1 Januari 2023 kepada 1 Julai 2023** di bawah kategori ini.
3. Keputusan ini dibuat setelah Kerajaan mengambil kira pandangan pelbagai pihak berkepentingan yang dijangka menghadapi cabaran ekonomi serta kewangan pada tahun 2023.
4. Saya amat berharap dengan **penangguhan tambahan selama enam (6) bulan** ini dapat memberikan peluang untuk penyelarasan dan mengimbangi keperluan kewangan yang sedikit sebanyak membantu memulihkan kedudukan ekonomi syarikat-syarikat yang menggajikan kurang dari lima (5) orang pekerja.
5. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menegaskan bahawa majikan yang menggajikan lima (5) orang pekerja atau lebih dan tanpa mengira jumlah pekerja, majikan yang menjalankan aktiviti profesional yang dikelaskan di bawah Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (*Malaysia Standard Classification of Occupation, MASCO*) **masih perlu meneruskan pembayaran gaji minimum sebanyak RM1,500** yang telah berkuatkuasa bermula 1 Mei 2022.

6. Justeru itu, majikan yang tidak terlibat dengan penangguhan ini hendaklah terus mematuhi pelaksanaan PGM dengan membayar gaji minimum RM 1,500 sebulan kepada pekerja. Akhir sekali, KSM berharap penangguhan ini diterima baik oleh semua pihak.

**MENTERI SUMBER MANUSIA**

**27 DISEMBER 2022**